

Makaman murah, sedap

Pasar Besar Siti Khadijah Kota Bharu jadi tumpuan pelancong setiap kali musim cuti sekolah

FOTO | Syamsi Suhaimi

>>Oleh Nur Farhanin Abdullah
am@hmetro.com.my

KOTA BHARU: Keunikan makanan tradisional dan hasil kraftangan Kelantan menarik lebih ramai pelancong berkunjung ke Pasar Besar Siti Khadijah, di sini, sempena musim cuti sekolah.

Antara barangan yang menjadi tumpuan utama pelancong ialah batik, songket, makanan tradisional yang unik serta barangan kraf buatan penduduk kampung sekitar negeri ini.

Pelancong dari Selangor, Abdullah Mohd Salleh, 62, berkata, tarikan utama kedatangannya ke negeri ini ialah untuk merasai keunikan makanan tradisional yang banyak dijual di pasar berkenaan.

“Antara makanan tradisional yang menarik perhatian ialah kuih akok, tahi itik dan nasi dagang asli buatan penduduk di sini.

“Terlalu banyak pilihan yang ada untuk dirasa, serta kuihnya yang sangat menarik perhatian kerana keunikan kuih tradisional di sini ialah manis dan lemak, malah harganya juga murah berbanding di tempat saya yang agak mahal,” katanya.

Tinjauan Harian Metro, semalam mendapati barangan yang dijual di pasar berkenaan mendapat sambutan baik daripada pelancong apabila ada antara peniaga tidak menang tangan melayan pengunjung.

Kebanyakan pelancong tertarik dengan keunikan pasar itu yang majoriti penjualnya wanita Melayu tidak kira tua atau muda.



TUMPUAN...Pasar Siti Khadijah menjadi tumpuan orang ramai ketika musim cuti sekolah.

Pelancong dari Sabah, Tetty Ruziyati A Hamid, 40, berkata, pasar itu sering menjadi tumpuannya dan keluarga untuk membeli-belah setiap kali datang bercuti ke negeri itu.

“Antara barangan yang sentiasa menjadi tumpuan ialah kain batik, tudung dan songket kerana kualiti yang bagus dan coraknya yang sangat cantik berbanding di

tempat lain.

“Oleh sebab itu saya sanggup datang dari Sabah semata-mata untuk membeli-belah di sini, terutama ketika musim cuti sekolah.

“Selain itu, barangan lain yang wajib dibeli ialah keropok lekor, dodol, serunding dan kuih tradisional yang unik serta menarik untuk dibawa pulang nanti,” katanya.